

KURSUS PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN TAPAK SEMAIAN SAWIT 2025



Anjuran
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
www.mpob.gov.my

PERTANYAAN

Borang pendaftaran yang lengkap berserta salinan kad pengenalan dan pembayaran hendaklah dialamatkan seperti berikut:

Ketua Pengarah MPOB
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

(u/p: Unit Latihan dan Pengurusan Persidangan)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Teknikal

Pn. Sheilyza Mohd Ishak

No. Tel : 03-8769 4549

E-mel : sheilyza@mpob.gov.my

Pendaftaran

Cik Nurul Aishah Musa

No. Tel : 03-8769 4568

E-mel : kursus.industri@mpob.gov.my

Pn. Nornadiya Yunus

No. Tel : 03-8769 4569

E-mel : kursus.industri@mpob.gov.my

Pn. Madihah Zolkafly

No. Tel : 03-8769 4874

E-mel : kursus.industri@mpob.gov.my

Faks : 03-8925 7549 / 8926 1202

Nota Penting

Peserta kursus dikehendaki menduduki peperiksaan praktikal dan teori bagi melayakkan mendapat sijil kursus.

Yuran pendaftaran tidak dikembalikan sekiranya peserta/pengganti gagal menghadiri kursus.

Sila imbas/klik
kod QR untuk
pendaftaran



PENDAHULUAN

Penggunaan anak benih yang bermutu tinggi merupakan salah satu faktor terpenting dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit di peringkat ladang. Menanam anak benih yang berkualiti serta mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang betul, akan menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang bermutu dengan hasil yang tinggi. Oleh itu, pemilihan anak benih adalah kritikal bagi penanaman sawit yang mempunyai hayat ekonomi sehingga 25 tahun. Pemilik ladang akan mengalami kerugian jika menanam anak benih yang tidak berkualiti. Oleh itu, pengusaha nurseri bertanggungjawab untuk membekalkan anak benih berkualiti kepada industri sawit. Tanggungjawab pengguna adalah membeli anak benih sawit daripada tapak semeaian yang berlesen dan mempunyai sijil CoPN.

OBJEKTIF

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawai yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang piawai yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Kod Amalan Baik Nurseri Sawit atau *Code of Good Practice for Oil Palm Nurseries* (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan di samping penilaian dari sudut ekonomi bagi mengusahakan nurseri sawit.

YURAN DAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran yang dikenakan kepada peserta ialah **RM1,000** (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Ringgit). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau draf bank di atas nama '**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**'. Peserta dikehendaki membuat pembayaran yuran pendaftaran sebelum kursus.

Yuran yang dikenakan termasuk bahan-bahan kursus iaitu nota syarahan, makan tengah hari, minum pagi/petang dan pengangkutan ke tempat praktikal semasa kursus.

Jumlah peserta yang boleh diterima adalah terhad iaitu seramai 80 orang untuk setiap siri kursus.

Tempat penginapan peserta kursus tidak disediakan dan menjadi tanggungan peserta sendiri.

Pendaftaran hendaklah dibuat melalui borang yang dilampirkan. Tarikh tutup pendaftaran adalah dua minggu sebelum tarikh kursus.

SIAPA YANG PATUT HADIR

Kursus ini dirancang untuk pengusaha nurseri sawit dan sesiapa yang berminat bagi meningkatkan tahap kualiti pengurusan nurseri sawit.

SYARAT KURSUS

- Warganegara Malaysia.
- Boleh menulis dan membaca Bahasa Melayu.
- Sihat tubuh/badan.
- Umur tidak kurang 18 tahun.

KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih yang berkelayakan serta pakar dalam tajuk berkaitan dari MPOB dan industri. Bahasa pengantar adalah Bahasa Melayu.

Tajuk-tajuk kursus adalah:

- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN)
- Aspek-aspek Ekonomi Pengurusan Nurseri Sawit
- Pengawalseliaan Nurseri Sawit

Latihan amali akan diadakan di tapak semeaian bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.